



Annuar sahut cabaran Khalid

GAYUNG BERSAMBUT... selepas dicabar Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Abdul Samad untuk mengulangi kenyataan berkenaan transaksi penjualan tanah di luar Dewan Rakyat, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa tampil mendedahkan fakta mengenai perkara itu melalui sidang media di Parlimen, Isnin lalu.

Sebelum itu Dewan Rakyat kecoh dengan 'fitnah' yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen DAP Seputeh Teresa Kok yang mendakwa kononnya Annuar meluluskan penjualan sekeping tanah kepada pemaju dengan harga murah. Annuar sudah tentu menafikan perkara tersebut dan menjelaskan kelulusan dibuat oleh kerajaan sebelumnya yang

membangkitkan kemarahan bekas Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abdul Samad.

Ahli Parlimen Shah Alam itu kemudiannya mencabar Annuar untuk mengulangi dakwaan di luar Dewan Rakyat (supaya tiada kekebalan dan boleh disaman) dan Annuar menyahutnya.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Imbas kod QR untuk menonton video sidang media



SUMBANG MAHRAM Bahana rumah sempit

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

KEADAAN rumah yang sempit sehingga berlaku 'percampuran' antara anak lelaki dan perempuan dilihat sebagai punca utama berlakunya kes jenayah seksual dalam kalangan masyarakat terutama sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah, acap kali dilaporkan, perbuatan tidak bermoral itu berlaku di kawasan-kawasan terpencil dan pedalaman manakala di bandar, ia sering terjadi di rumah kos rendah atau flat yang mempunyai hanya dua bilik tidur.

Apa yang menyedihkan, isu yang merupakan tabu itu, sudah menjadi terbuka dan membimbangkan. Walhal dahulunya, masa bersama keluarga amat dituntut, namun kini ia menjadi punca kegiatan jenayah sumbang mahram.

BERITA LANJUT DI MUKA 2, 3



Angkatan Pertahanan Awam beri impak besar

>> 9-11



Simfoni unggas di Taman Burung KL

>> 12-13



Dulu penyerang berbisa, sekarang usahawan kota

>> 15

Kelulusan rayuan pada 6 Februari

DARI MUKA DEPAN

MENURUT Annuar, proses transaksi tanah yang bernombor hak milik HSD120430 PT15358 Mukim Petaling di mana pemiliknya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada Syarikat Kunci Muhibah Sdn Bhd telah selesai sepenuhnya ketika era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

“Terdahulu, Jawatankuasa Kerja Tanah dan Galian Kuala Lumpur telah bermesyuarat pada 4 Ogos 2017 bilangan 708/2017, telah meluluskan pemberian milik tanah kerajaan kepada DBKL bernombor hak milik HSD120430 PT15358 Mukim Petaling dengan bayaran premium sebanyak RM12,369,950.

“Lanjutan daripada itu, DBKL telah menandatangani satu perjanjian jual beli dengan satu syarikat iaitu Kunci Muhibah Sdn Bhd bagi menjual tanah tersebut dengan harga RM14,852,485.20, katanya dalam Sidang Media yang ditemani oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Santhara dan KSU Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Rosida Jaafar.

Annuar menjelaskan bahawa tanah itu tidak dijual begitu sahaja sebaliknya pihak syarikat dikenakan syarat untuk membina Rumah Mampu Milik (RMM) di atas tanah tersebut.

“DBKL telah mengenakan syarat wajib dan perlu membina 50 peratus rumah mampu milik dan di bawah dasar DBKL, ia mestilah berharga di bawah RM300 ribu setiap unit.

“Bagi projek ini, harga

jualan direndahkan lagi kepada RM230 ribu sahaja untuk setiap unit dan ia menjadi asas mengapa tanah tersebut dijual pada satu harga yang tidak berdasarkan kepada 100 peratus harga pasaran,” katanya.

Menurut Annuar, syarikat itu kemudian telah membuat permohonan kepada PTGWP untuk mendaftarkan hak milik tanah di atas nama Kunci Muhibah Sdn Bhd pada tarikh 7 Mei 2018.

“Permohonan tersebut telah ditolak oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat bilangan 725/2018 yang bersidang pada 21 November 2018,” katanya.

Beliau berkata, pada 20 Disember 2019 Pejabat PTGWP telah menerima rayuan pindah milik yang dipohon sekali lagi daripada DBKL untuk memindah hak milik tanah tersebut ke atas syarikat sama.

“Pejabat PTGWP telah menerima satu surat pengesahan daripada DBKL melalui nombor rujukan (63) dlm.DBKL/JPEP/BPU/03-187/516/2017 Jld.2 yang bertarikh 6 Februari 2020, mendapati bahawa urusan penjualan dan pindah milik oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada syarikat itu boleh diteruskan mengikut perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan projek-projek penswastaaan DBKL yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 4 Februari 2020,” katanya.

“Dinyatakan bahawa permohonan rayuan kali ini adalah lengkap dan ia mengikut garis panduan yang telah



ANNUAR ketika mengadakan sidang media di Parlimen pada Isnin. Untuk menonton video penuh, sila imbas kod QR di muka hadapan.

ditetapkan,” katanya.

Menurut Annuar, dengan surat kelulusan tersebut berasaskan kepada mesyuarat yang telah berlangsung pada 4 Februari yang lalu (Kerajaan PH), maka Jawatankuasa Kerja Tanah hanya melaksanakan proses biasa dan mendaftarkan hak milik tanah.

“Proses tersebut memakan masa antara tiga hingga empat bulan dan keseluruhan proses selesai sepenuhnya pada 23 Jun 2020 di mana *title* tanah telah dikeluarkan dengan hak milik didaftarkan atas nama Kunci Muhibah Sdn Bhd,” katanya.

Ujarnya, semua urusan berkaitan dengan tanah tersebut sememangnya tidak datang kepadanya dan tidak melibatkan pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional (PN) kerana ia diluluskan pada Februari 2020 dan pendaftaran hak milik dan proses *title* tanah dikeluarkan pada bulan Jun 2020.

Terdahulu, Ahli Parlimen DAP Seputeh Teresa Kok mem-

beritahu Dewan Rakyat bahawa tanah itu kemudiannya dijual kepada sebuah syarikat dikenali sebagai Kunci Muhibah, yang didakwa di bawah Aset Kayamas.

“Penjualan tanah itu dihentikan PH, tetapi diteruskan di bawah PN,” katanya sambil mempersoalkan jika penjualan itu diluluskan Kabinet.

Beliau juga ingin tahu kenapa tanah itu dijual separuh harga daripada nilai sebenar RM161 sekaki persegi.

Annuar berkata, tiada penjualan tanah sejak beliau mengambil alih portfolio itu Mac lalu dan siasatan awal mendapati jualan itu dilakukan ketika PH berkuasa.

Teresa bertegas perjanjian jual beli ditandatangani Jun 2020 dan Annuar berkata, beliau akan meneliti perkara itu kerana beliau tidak bersetuju dengan sebarang penjualan tanah.

Ia disusuli Khalid meminta Annuar mengulangi dakwaannya di luar Dewan Rakyat. **W K**

Kronologi

Kontroversi tanah HSD120430 PT15358 Mukim Petaling

4 Ogos 2017 - Jawatankuasa Kerja Tanah dan Galian Kuala Lumpur telah meluluskan pemberian tanah kerajaan bernombor hak milik HSD120430 PT15358 Mukim Petaling kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

7 Mei 2018 - PTGWP menerima permohonan dari Kunci Muhibah Sdn Bhd untuk mendaftarkan tanah tersebut ke atas namanya.

21 November 2018 - Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan yang bersidang dalam mesyuarat bilangan 725/2018 telah menolak permohonan Kunci Muhibah Sdn Bhd.

20 Disember 2019 - DBKL membuat permohonan rayuan pindah milik ke atas syarikat Kunci Muhibah Sdn Bhd

6 Februari 2020 - PTGWP telah menerima satu surat pengesahan daripada DBKL melalui nombor rujukan (63) dlm.DBKL/JPEP/BPU/03-187/516/2017 Jld.2, mendapati bahawa urusan penjualan dan pindah milik oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada syarikat itu boleh diteruskan dalam mesyuarat penyelarasan projek-projek penswastaaan DBKL yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 4 Februari 2020

23 Jun 2020 - hak milik tanah telah dikeluarkan dan didaftarkan atas nama Kunci Muhibah Sdn Bhd.

Imbas kod QR perbincangan Dewan Rakyat.



Wujudkan ruang ketiga di kawasan PPR/PA

Oleh AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN perlu mewujudkan ruang ketiga yang boleh digunakan untuk penduduk di kawasan rumah pangsa termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Ia bertujuan untuk memberikan lebih banyak aktiviti untuk golongan wanita, remaja dan kanak-kanak dijalankan di kawasan itu memandangkan unit rumah yang disediakan kecil.

Pensyarah Kanan Jabatan Seni Bina, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia, **Ts. Dr. Mohd Zairul Mohd Noor** berkata, apabila ruang sangat terhad di

dalam rumah, maka masalah penderaan rumah tangga berbentuk seksual mudah terjadi kerana faktor ruang yang terhad.

“Perkara yang berkaitan dengan masalah rumah sempit ini menjadi masalah dan sehingga kini tiada penyelesaian.

“Perumahan lama yang disediakan dahulu hanya ada dua bilik tidur dan ibu bapa

duduk di dalam satu bilik, dan anak perempuan pula satu bilik manakala anak lelaki pula akan tidur di ruang tamu dengan keluasan hanya 450 kaki hing-

ga 500 kaki persegi,” katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menurut Mohd Zairul, mengikut statistik mereka yang menghuni di kawasan ini sangat produktif dan memiliki anak yang ramai.

“Sudah pasti dengan tempat yang sempit ia tidak kondusif untuk pembangunan kanak-kanak dari sudut pergaulan walaupun adik beradik ia masih tidak sesuai.

“Mereka juga mudah terdedah dengan masalah lain ekoran keadaan yang tidak selesai,” katanya



MOHD ZAIRUL

Mohd Zairul berkata, ruang ketiga itu boleh dibina di bawah kolong-kolong rumah flat yang ada di ibu kota dengan melakukan sedikit pengubahsuaian agar ia boleh digunakan.

“Sebagai contoh, kita tahu bahawa golongan wanita dan suri rumah menghadapi tekanan dan stres dalam urusan harian, maka ruang ketiga ini boleh menjadi pusat sosial untuk mereka.”

“Ia juga boleh digunakan sebagai pusat aktiviti untuk pembelajaran dan sebagainya,” katanya.

Katanya, masalah penderaan rumah tangga kurang berlaku kerana kebanyakan ibu bapa bekerja pada siang atau malam

hari dan anak-anak boleh menggunakan ruang yang ada.

“Tetapi apabila PKP dilaksanakan, semua anggota keluarga diwajibkan berada di rumah dan masalah mula timbul kerana masalah ruang yang sempit,” katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa dan wakil rakyat harus menjadikan kewujudan ruang ketiga di kawasan rumah pangsa sebagai keutamaan dalam membantu pembangunan kondusif sesebuah keluarga.

“Mereka mempunyai peruntukan tertentu dan ia boleh disalurkan untuk mewujudkan ruang ketiga seperti itu,” katanya. **W K**

Internet tingkatan jenayah seksual

DARI MUKA DEPAN

BARU-BARU ini, negara dikejutkan dengan laporan peningkatan kes keganasan rumah tangga khususnya jenayah seksual kanak-kanak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 1,721 kes jenayah seksual kanak-kanak direkodkan dalam tempoh Januari hingga 30 Jun tahun ini.

Daripada jumlah itu, rogol mencatatkan kes paling tinggi iaitu 651 kes diikuti cabul 344 kes, sumbang mahram (106 kes), luar tabii (106 kes) dan 514 kes bagi jenayah di bawah Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

Melihat kepada angka tersebut, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyarankan

supaya kerajaan membina rumah kos rendah yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik sekali gus memberi privasi dan keselesaan kepada penghuninya.

Menurut Presiden Helping Shoulder, **Lila Ruzaini Mohd Hussin**, berdasarkan penelitiannya, kegiatan jenayah seksual seperti sumbang mahram yang berlaku di bandar berpuncu daripada miskin bandar.



LILA RUZAINI

Jelasnya, ia berikutan, rumah yang bersaiz kecil mempunyai bilangan penghuni yang ramai.

"Kalau dalam kawasan persekitaran rumah itu ada bilik yang terhad, semua orang tidur di situ terutama dalam keadaan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghalang masyarakat keluar pastinya gejala tidak bermoral boleh terjadi.

"Sepanjang tempoh itu juga, kebanyakan penghuni lebih ge-



MANGSA akan mengalami kemurungan dan depresi melampau jika tidak mendapat rawatan awal.

mar menggunakan telefon untuk melayari media sosial termasuk membuka laman web yang tidak sepatutnya. Oleh itu pelaku 'memilih' ahli keluarga sendiri," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Bagi Lila Ruzaini, selain

faktor tersebut, perbuatan tidak bermoral itu berlaku disebabkan mangsa juga kurang ilmu pengetahuan dan mengamalkan sikap enggan ambil tahu sehingga menyukarkannya membezakan jenis-jenis sentuhan.

Dalam pada itu, beliau ber-

kata, jaringan jalur lebar juga mudah dan sukar dikawal yang mana dengan hanya satu klik, pelayar boleh mengakses ke mana sahaja laman sesawang yang tidak patut.

"Sumbang mahram adalah kes yang tiba-tiba berlaku iaitu pelaku bertukar agresif dan memaksa mangsa. Namun, semestinya mangsa sedar jika dibandingkan dengan jenayah pedofilia.

"Pedofilia adalah jenayah terancang. Pelaku akan 'grooming' dan pastikan budak itu suka kepada video seks dan sebagainya sebelum 'menyerang'," jelasnya.

Mengulas tentang peranan NGO, ujar beliau, pihaknya sentiasa masuk ke kawasan pedalaman bagi memberi advokasi dan informasi kepada masyarakat.

Selain itu, katanya, mangsa akan dihubungkan dengan agensi kerajaan yang lain sekali gus memudahkan tindakan lanjut diambil. **W K**

Kukuh hubungan keluarga dengan aktiviti kerohanian

Oleh AFIFAH AFIZAL

SUMBANG mahram adalah hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan antara mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang atau dilarang oleh adat resam.

Contohnya hubungan jenis antara remaja dengan ibu bapa mereka, adik beradik, ibu bapa saudara, datuk dan sebagainya, sumbang mahram telah dikenalpasti sebagai sejenis penganiayaan seksual yang merosakkan kesihatan fizikal, mental dan sosial.

Dari sudut pandangan Islam, perlakuan sumbang mahram ini dilaknati oleh Allah SWT.

Antara punca peningkatan sumbang mahram yang dikenal pasti adalah akses yang mudah ke laman-laman pornografi terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

Kerana itu, menurut Mufti Pahang, **Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman**, perlakuan terkutuk ini boleh dicegah dengan mengadakan aktiviti keagamaan bersama keluarga.

"Hubungan dalam Islam mengajak ahli keluarga solat jemaah bersama atau menonton majlis ilmu secara online kerana ia merupakan sebahagian daripada cara untuk menyelamatkan keluarga dari terjebak dengan perkara buruk tersebut,"

katanya kepada *Wilayahku*.

Untuk mengelakkan kejadian sumbang mahram, jelas Abdul Rahman, ibu bapa perlu mengasingkan tempat tidur anak-anak lelaki dan perempuan di rumah.



ABDUL RAHMAN



ELYAS ISMAIL

"Selain itu, kita semua perlu menjaga batas-batas pakaian di rumah walaupun bersama mahram,"ujarnya.

Sementara itu, penceramah terkenal, Ustaz Elyas Ismail mengatakan bahawa terdapat beberapa punca mengapa isu sumbang mahram ini semakin berleluasa.

"Pertama sekali, keadaan dan suasana di dalam rumah itu sendiri terutamanya keadaan rumah yang sempit dan keduanya, tahap pendidikan yang rendah dan kurang pendedahan tentang ilmu agama,"katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

"Seterusnya akibat pergaulan yang tidak dibendung maknanya perlu mendidik anak-anak tentang bahagian badan yang tidak boleh disentuh sesuka hati walaupun oleh ibu dan bapa sendiri."

"Nabi Muhammad SAW ada mengajarkan soal kejantinaan kepada anak-anak di mana diperintahkan anak untuk mendirikan solat seawal umur tujuh tahun dan pukul mereka untuk tujuan mendidik ketika usia 10 tahun dan dipisahkan tempat tidur mereka dalam Hadis Riwayat Imam Ahmad,"ujarnya. **W K**

Rumah sempit antara punca sumbang mahram - Ezzaty

Oleh DEEL ANJER

'**HARUAN** makan anak'. Itulah diibaratkan gejala sumbang mahram yang bagaikan tiada kesudahannya.

Ibu bapa, abang atau datuk memperkosa perempuan yang mahram dengannya bukanlah perkara baharu, malah tetap berlaku walaupun kerajaan sudah melaksanakan pelbagai usaha untuk menanganinya.

Bagi pelakon **Ezzaty Abdullah**, dia percaya keadaan rumah yang sempit seperti setinggan adalah antara faktor menyebabkan berlakunya bahana sumbang mahram.

"Keadaan rumah yang sempit di mana kekurangan bilik tidur sebenarnya boleh mengundang kepada perbuatan terkutuk sumbang mahram.

"Bayangkan jika rumah dua bilik didiami antara lapan hingga sepuluh ahli keluarga, ia boleh menyebabkan kurangnya privasi dalam kalangan mereka.

"Apatah lagi jika anak-anak sudah mula membesar dan terdorong mempunyai minat kepada berlainan jantina.

"Bagi saya, ia bukan perkara pelik, kerana semua ini memang berlaku dalam masyarakat kita," katanya yang percaya hikmah ajaran Islam agar

mengasingkan tempat tidur anak-anak apabila sudah akil baligh.

Menurut Ezzaty, semua pihak maklum, Islam mensyariatkan supaya bilik untuk anak gadis diasingkan dengan bilik anak lelaki apabila mereka sudah akil baligh atau berakal.

"Ini adalah penting dalam menjaga batas aurat, pergaulan antara ibu bapa dengan anak dan adik beradik berlainan jantina.

"Ramai yang tahu sumbang mahram adalah dosa besar. Namun, kelemahan iman kadang-kadang menyebabkan nafsu mengatasi akal," jelasnya lagi.

Bagi Ezzaty, ibu bapa juga seharusnya memainkan peranan mendidik anak-anak tentang batas pergaulan dalam keluarga.

"Selain perlunya rumah yang selesa bagi sesebuah keluarga, cara lain untuk mencegah sumbang mahram adalah dengan sentiasa mendekatkan diri dengan Allah.

"Ibu bapa juga memainkan peranan penting agar anak-anak faham batas antara mereka apabila sudah meningkat remaja.

"Pendidikan awal tentang isu-isu sebegini penting untuk kesejahteraan hidup mereka," luahnya lagi yang berharap gejala sumbang mahram dapat dicegah. **W K**



EZZATY